

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HST 325 – Kertas Khas Dalam Sejarah Asia Tenggara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Bincangkan sebab-sebab agama Islam tidak diberi peranan rasmi dalam Undang-Undang Dasar 1945 di Indonesia semasa kemerdekaan diistiharkan.
2. Sejauh manakah pemberontakan Huk di negara Filipina dapat dianggap sebagai pemberontakan Komunis?
3. “Demokrasi Berparlimen gagal kerana tidak serasi dengan semangat dan jiwa bangsa Indonesia.” (Presiden Sukarno). Bincangkan.
4. “Demokrasi di Kepulauan Filipina tidak bermakna kerana rakyat Filipina tidak dapat memilih calon yang ikhlas dan jujur.” (Luis Tarus, Ketua Huk). Dengan merujuk kepada pernyataan ini sejauh manakah amalan rasuah dan nepotisme telah meruntuhkan ciri-ciri demokrasi dalam negara itu?
5. “Hanya Tentera Republik Indonesia sahaja yang boleh menjamin kestabilan politik dan menjaga maruah negara.” (Jen. Abdul Haris Nasution). Bincangkan peranan tentera dalam hal ehwal politik negara Indonesia pada tahun-tahun 1950-an.
6. “Pengisytiharan Undang-Undang Tentera terpaksa dilaksanakan kerana demokrasi disalahgunakan di Kepulauan Filipina.” (Presiden Ferdinand Marcos, 1972). Bincangkan sebab-sebab undang-undang tentera tersebut diisytiharkan?

...2/-

7. “Manipol USDEK tidak akan menjamin kemajuan ekonomi di Indonesia. Sebab dalam pelaksanaan dasar ekonomi, Manipol USDEK sebenarnya bermakna ‘Untuk Saya Dahulu, Engkau Kemudian.’” (Sjafruddin Prawiranegara, Pemimpin Parti Masjumi). Dengan merujuk kepada pernyataan ini, bincangkan faktor-faktor yang telah mengakibatkan keruntuhan ekonomi Indonesia.

-- oo000oo --